



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1962](#) > [September](#) > [24](#) > [Page 2](#) > [Jamaliah ta' dapat hadiah kerana posmen tidak ada](#)



Jamaliah ta' dapat hadiah kerana posmen tidak ada

Berita Harian, 24 September 1962, Page 2

Share    



Save Citation

[<<](#) [Previous Article](#) [Next Article](#) [>>](#)



Jamaliah ta' dapat hadiah kerana posmen tidak ada

KAJANG, Ahad

KERANA posmen tidak pernah menjengah ka-kampong-nya, sa-orang anggota Per-kumpulan Perem-puan di-sini yang telah memenangi peraduan mengarang sajak anjoran Perkum-pulan Perempuan Malaya tidak dapat menerima sendiri hadiah-nya dari Tengku Abdul Rahman.

Kesah ini berlaku ka-atas Che'gu Jamaliah binti Ahmad, sa-orang guru di-Sekolah Kebangsaan Sungai Merab.

Che'gu Jamaliah di-jadual-



kan menerima sendiri hadiah-nya di-dalam upacara yang di-langsungkan di-ibu pejabat Perkumpulan Perempuan Malaya di-Petaling Jaya pada 14 September lalu.

'Terpendam'

Tetapi surat itu tidak diterima-nya hingga 21 September lalu kerana "terpendam" di-pejabat pos Kajang sa-lama sa-minggu.

Dan Che'gu Jamaliah lebih dulu mendapat tahu tentang kemenangan-nya itu melalui Ruangan Wanita, Berita Harian pada 17 September—tiga hari sesudah upacara menyampaikan hadiah itu berlangsung.

"Oh, betapa-lah kesal-nya hati saya. Saya telah kehilangan peluang untuk hadir dalam upacara itu..." kata-nya kepada Berita Harian hari ini.

Dan Pengerusi Lembaga Pengurus Sekolah Kebangsaan Sungai Merab, Inche Muhamad Yunus b. Mihad bersetuju dengan-nya "Kampung ini lapan batu sahaja dari bandar Kajang."

Drebar taxi


"Tetapi sudah sa-tahun kami tidak melihat posmen Surat2 orang kampung dikirimkan sahaja kepada dreber taxi atau di-letakkan sahaja di-sabuah kedai di-bandar Kajang untuk di-ambil sendiri oleh tuan-nya."

Pegawai Pejabat Pos Kajang, Inche Nordin bin Ibrahim bila mendapat tahu rungutan2 ini berkata: "Saya tidak tahu kejadian ini."

"Biasa-nya sa-orang posmen bertugas menghantar surat ka-kampung ini tiga kali sa-minggu — pada hari Thalatha, Khamis dan Sabtu."

Beliau bagaimana pun berjanji akan menyalasat peristiwa itu.





NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31